



Peraduan Album di ERA

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	ERA fm
2.	Nama Peraduan	Peraduan Album
3.	Huraian Ringkas Peraduan/ Rancangan	Peraduan Album adalah peraduan yang memerlukan pendengar menjawab beberapa soalan mengenai album tersebut dan lengkapkan slogan di laman web ERA fm.
4.	Mekanisma ringkas Peraduan	<p>a) Jawab soalan berkaitan album yang terpilih pada minggu tersebut</p> <p>b) Lengkapkan slogan tidak lebih dari 20 patah perkataan</p> <p>c) Pemenang akan dipilih mengikut jawapan yang betul dan slogan yang menarik</p> <p>Para Peserta mesti mematuhi mekanisma Peraduan ini sepertimana diterangkan dan diberitahu kepada para Peserta oleh pihak Penganjur semasa Tempoh Peraduan.</p>
5.	Kriteria Kelayakan	<p>Tertakluk kepada kriteria lain di bawah,</p> <p>Peraduan ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1 Januari 2013.</p> <p>Dalam situasi di mana kelayakan seseorang peserta adalah di bawah umur 18 tahun, peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga peserta untuk memasuki Pemberian Hadiah ini. Pihak Penganjur adalah menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk memantau penyertaan peserta di dalam Pemberian Hadiah ini. Ibu bapa atau penjaga, tertakluk kepada budibicara mutlak Pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh ERA fm sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah peserta dibawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>
6.	Ketidaklayakan	<p>Orang –orang berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan inin :-</p> <p>Pekerja-pekerja Penganjur, Measat Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Malaysia Holdings Berhad, anak ayarikat dan syarikat bersekutunya, penaja-penaja, ejen-ejen, peniaga, pedagang atau mana-mana syarikat yang berkaitan dengan Peraduan dan ahli keluarga terdekat orang-orang tersebut.</p> <p>Seseorang individu adalah tidak berkelayakan untuk menyertai dan/atau memenangi Pemberian Hadiah ini jika individu tersebut:</p> <p>4.1 telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1000 atau kurang daripada ERA fm dalam tempoh (30) hari sebelum Pemberian Hadiah ini</p> <p>4.2 telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 1001 - RM 5000 daripada ERA fm dalam tempoh (90) hari sebelum Pemberian Hadiah ini</p> <p>4.3 telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM 5001 atau lebih daripada ERA fm dalam tempoh (365) hari sebelum Pemberian Hadiah ini</p>

7.	Umur Kelayakan	Pemberian Hadiah ini adalah terbuka kepada semua penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 1 Januari 2013.
8.	Caj	N/A
9.	Tempoh Peraduan	Pemberian Hadiah akan diadakan dari 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013. Pihak Penganjur mempunyai hak tunggal untuk mengubah, menangguh atau menukar Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh yang berkenaan.
10.	Bahasa Peraduan	Peraduan ini akan dianjurkan oleh pihak Penganjur dalam bahasa Malaysia.
11.	Prosedur Penyertaan	a) Dengarkan isyarat memanggil, Isnin hingga Jumaat sahaja (1 Januari 2012 sehingga 31 Disember 2012), antara 6 pagi hingga 10 pagi di ERA fm. b) Jadi pemanggil yang pertama di talian 03-9543 3355 untuk menjadi peserta. Pihak Penganjur berhak untuk meminta salinan asli Kad Pengenalan/ Sijil Surat Beranak atau salinan asli dokumen-dokumen sokongan yang lain untuk tujuan pengesahan dan pengiktirafan.
12.	Tarikh Tutup Penyertaan	Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur sebelum 31 Disember 2013. Penyertaan yang diterima selepas masa yang telah ditetapkan akan dibatalkan kelayakan dan tidak layak untuk menerima hadiah.
13.	Cara Penghantaran	Melalui Pos Atau Semasa Acara Diadakan
14.	Alamat	Astro Radio Sdn Bhd, All Asia Broadcast Centre, Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, 57000 Kuala Lumpur
15.	Pemilihan Pemenang	Pemenang akan dipilih mengikut jawapan yang betul dan slogan yang menarik
16.	Hadiah	Sebuah album yang terpilih pada minggu tersebut Penganjur berhak untuk menambah atau mengurangkan wang yang ditawarkan bergantung kepada promosi-promosi yang dijalankan
17.	Pemberitahuan Pemenang Peraduan	Nama para Pemenang Peraduan akan diumumkan oleh pihak Penganjur melalui Telefon atau SMS
18.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Kesemua Hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan (selepas ini dirujuk sebagai "Jangkamasa Tuntutan"). Para Pemenang adalah bertanggungjawab secara sendiri untuk menuntut Hadiah masing-masing, dan pihak Penganjur adalah tidak bertanggungjawab untuk memberi sebarang notis mengenai tarikh tutup tuntutan Hadiah. Hadiah-Hadiah yang gagal untuk dituntut dalam tempoh Jangkamasa Tuntutan akan dilupuskan oleh pihak Penganjur dan pihak Penganjur, agen-egennya, para penajanya dan/atau wakil-wakilnya tidak mempunyai sebarang liabiliti terhadap Pemenang dalam sebarang aspek sekalipun. Kesemua Hadiah hendaklah dituntut secara sendiri oleh Pemenang melainkan pihak Penganjur menyatakan sebaliknya. Bukti pengenalan diri yang mempunyai sesalinan gambar di dalamnya (sebagai contoh, termasuk tetapi tidak terhad kepada kad pengenalan, lesen memandu, paspot, dan sebagainya yang mana mempamerkan sesalinan gambar Pemenang). Dalam situasi di mana pihak Penganjur memilih untuk mengepos sesuatu Hadiah kepada seseorang Pemenang, tiada tanggungjawab adalah diletakkan kepada pihak Penganjur terhadap keselamatan dan penghantaran pos yang efektif Hadiah berkenaan kepada Pemenang. Dalam situasi-situasi khas dan tertakluk kepada budibicara mutlak pihak

		Penganjur, seseorang Pemenang boleh melantik wakil yang ditetapkan untuk menuntut Hadiah. Wakil tersebut hendaklah mengemukakan kebenaran bertulis daripada Pemenang dan mengemukakan bersama-sama bukti tanda pengenalan diri kedua-dua Pemenang dan wakilnya. Dalam situasi di mana seseorang Pemenang memilih untuk tidak menerima sesuatu Hadiah, Pemenang berkenaan terlucut segala hak dan tuntutan terhadap Hadiah berkenaan, yang mana akan diuruskan oleh pihak Penganjur menurut budibicara mutlakanya.
19.	Tempat Pengambilan Hadiah	Melalui Pos Atau Semasa Acara Diadakan
20.	Terma-terma tambahan, jika ada	N/A

Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan mengikat kesemua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Peraduan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Peraduan secara tanpa syarat oleh para Peserta.